

01/07/1999

Politik pilihan raya tiada jalan pintas

Dr Mahadzir Mohd Khir

DI DEPAN Hospital Universiti poster Parti Rakyat Malaysia (PRM) sudah ditampal. Begitu juga kain rentang parti Pas mengalu-alukan penuntut ke universiti juga di pasangnyanya di depan pintu masuk universiti itu. Nampaknya pilihan raya hampir tiba. Itu belum lagi dikira bendera Pas di merata-rata tempat; juga Parti Keadilan Nasional (KeADILan). Kempen mempamerkan logo parti sebagai cuba memperlihatkan iklan seni tampak.

Soalan-soalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengenai hal-hal berkaitan pilihan raya. Misalnya seperti tempoh berkempen sama ada mencukupi atau tidak dengan hanya 10 hari. Cuma soalan yang belum dijawab ialah...bila lagi pilihan raya.

Orang ramai terus bertanya mengenai pilihan raya. Masing-masing membuat ramalan. Bagaimanapun apa yang pasti ialah pertengahan tahun 2000 pasti berlaku pilihan raya. Apa yang menjadi ramalan begitu menarik ialah masing-masing mahu jadi 'nujum' politik dengan hujah dan bukti masing-masing. Ada yang berpendapat bahawa ia akan berlaku sedikit masa lagi, sekurang-kurangnya Ogos. Ada juga yang berpendapat ia mungkin berlaku awal tahun depan. Semuanya mengatakan bahawa ekonomi sudah mula menunjukkan tanda-tanda positif. Tetapi dengan Perhimpunan Agung Umno yang baru saja berlangsung orang ramai mengatakan pilihan raya kian dekat. Ini ialah kerana Umno mengambil sikap 'ofensif' dan tidak lagi 'defensif'.

Dari satu sudut ia juga memperlihatkan Umno mula berasa semacam ada keyakinan baru. Apatah lagi dalam suasana yang mana pihak pembangkang khususnya Pas dan DAP sedang mencari formula mewujudkan kesepakatan elektoral bagi menghadapi Barisan Nasional (BN). Pas bukan saja berhadapan dengan Umno, tetapi realitinya ialah pengundi yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Dengan itu Pas terpaksa balik kepada realiti iaitu bagaimana berhadapan dengan BN dan bukan Umno saja.

Pilihan raya belum lagi pasti, tetapi ia tetap akan berlaku pada bila-bila masa saja dari sekarang hingga ke pertengahan tahun hadapan. Dr Mahathir saja yang tahu, dan mungkin Dr Siti Hasmah sendiri pun tidak pasti. Soalnya ini bukan main 'aci lut', tetapi BN yang masih memegang tampuk kerajaan, berasakan selagi pihaknya masih dapat pertahankan serta kerajaan masih berfungsi mengapa tidak penuhkan tempoh yang dimandatkan. Kepada pihak pembangkang sudah tentu, lagi cepat pilihan raya diadakan adalah lebih baik kerana ia adalah peluang menguji Kerajaan.

Jika nasib menyebelahi mereka ia sebagai peluang keemasan, dan mereka sudah lama menjalankan 'latihan tubi' seperti ceramah di sana-sini. Sekiranya masih lama lagi, akan tiba masa anticlimax dan kemungkinan timbul 'keletihan' dan isu-isu akan semakin berkurangan. Isu-isu yang sering dibangkitkan kadangkala akan dianggap 'basi' dan tidak lagi menyelerakan pendengar. Di samping itu pihak pembangkang terpaksa mempertahankan 'momentum' supaya ia tidak menjemukan.

Dalam menghadapi pilihan raya ada beberapa perkara yang perlu diambil kira oleh BN dan parti pembangkang. Politik pilihan raya biasanya menjadi kemuncak kepada kedua-dua pihak. Kepada BN, pilihan raya adalah sebagai penilaian semula terhadap perjalanan pengurusan dan pentadbiran Kerajaan. Dengan kata lain, perkara-perkara yang diambil kira oleh pengundi ialah sama ada mahu terus memberi endorsement atau tidak untuk BN meneruskan kepemimpinannya dalam Kerajaan Malaysia. Oleh itu, pihaknya cuba memastikan majoriti agar dapat membentuk kerajaan. Walaupun dalam banyak hal BN berkemampuan menentukan corak kerajaan, tetapi dalam hal pilihan

raya ia sentiasa berhati-hati terutama dalam hal mempertahankan sokongan kerana dalam politik pilihan raya bermacam-macam boleh berlaku. Dengan demikian timing pilihan raya biasanya menjadi pertimbangan penting.

Selanjutnya dalam politik pilihan raya, undi popular dan majoriti kerusi menjadi dua perkara pokok yang mesti diambil kira. Kadangkala undi popular boleh dipertingkatkan di satu-satu kawasan, tetapi sekiranya majoriti kerusi berkurangan ia juga tidak bermakna. Secara ideal, undi popular perlu dipertingkat dan majoriti kerusi terus ditambah. Dalam sistem politik Malaysia, majoriti mudah atau simple majority sebagai faktor penentu untuk menang. Dengan demikian perkiraan utama kepada BN ialah majoriti kerusi untuk membolehkannya membentuk dan terus meneraju kerajaan.

Dalam pilihan raya yang lalu (1995) BN memperolehi lebih daripada dua pertiga kerusi Parlimen dan di peringkat negeri juga hampir sama, malah ada negeri-negeri yang memperolehi lebih daripada itu. Jadi dalam pilihan raya yang akan datang, BN seboleh-bolehnya mahu pertahankan majoriti dua pertiga untuk memperlihatkan kekukuhan dan kemantapan kerajaan sebagai refleksi sokongan padu. Sementara di kaca mata masyarakat antarabangsa pula ia dilihat sebagai adanya kestabilan politik yang berpanjangan. Di samping itu ia juga sebagai tanda kerajaan yang kuat, kerana tidak mudah goyah dalam menghadapi apa-apa cabaran dari dalam mahupun luar.

Selain itu satu pertimbangan yang paling mustahak ialah keadaan dalaman UMNO serta dalam tiap-tiap parti komponen BN. Antara lain perlu diwujudkan persefahaman antara parti-parti itu. Ini biasanya berkaitan tuntutan parti-parti berkenaan. Tetapi selama ini ia dapat diselesaikan secara mudah lebih-lebih lagi kerana masing-masing mempunyai wakil di dalam kerajaan sebagai menteri dan timbalan menteri. Dari segi pengagihan kerusi pula ia dapat ditentukan lebih awal sebagai menjamin setiap pihak mendapat agihan menurut amalan perkongsian formula BN. Pernah pada satu ketika dulu semasa Perikatan, dalam pilihan raya tahun 1959 yang mana kerusi menjadi isu pokok politik dalaman antara parti komponen. Begitu juga isu 'saksama' dalam hal tuntutan kaum.

Ini disebabkan masing-masing parti dalam komponen dapat kekalkan identiti kaum yang diwakili. Bagaimanapun, isu penyesuaian dan komunikasi dalam BN sejak kebelakangan ini sudah tidak banyak bermasalah. Begitu juga dengan organisasi dan jentera pilihan raya serta sumber kewangannya yang juga semakin kukuh. Dengan kata lain 'pakatan' antara parti komponen dalam BN dianggap sebagai 'tetap' dan bukan bersifat sementara. Ini adalah satu kelebihan kepada BN dalam menghadapi setiap pilihan raya.

Parti pembangkang yang sedang hangat cuba mewujudkan pakatan elektoral masih pada tahap cakap-cakap saja. Masih belum ternampak satu pakatan konkrit dalam menghadapi pilihan raya kali ini. Pada pilihan raya yang lalu pernah diwujudkan pakatan sedemikian tetapi tidak berkemampuan membentuk satu barisan oposisi yang 'tetap' seperti BN.

Walaupun usaha-usaha ke arah mewujudkan 'pakatan' telah lama dicadangkan tetapi masih di peringkat 'sementara'. Ini ialah kerana setiap parti cuba mempertahankan prinsip tertentu mereka malah pada satu tahap menyentuh ideologi masing-masing. Disebabkan kes Anwar Ibrahim ditimbulkan sebagai isu, Pas telah mengambil inisiatif cuba mewujudkan barisan pembangkang dan memberi penekanan kepada kes itu kerana ia dianggap sebagai isu popular dan mudah mendapat perhatian.

Pas dalam kesempatan itu cuba mendapat sokongan, dan pada masa yang sama dapat mengiklankan agenda partinya. Malah slogan yang baru diperkenalkan ialah sebagai 'alternatif' kepada kerajaan sekarang. Mungkin dari satu segi ia boleh mendapat perhatian, lebih-lebih lagi dengan bantuan akhbar Harakah yang dapat berperanan dengan penuh kapasiti. Malah tabloid itu bukan saja untuk ahli-ahlinya tetapi dipasarkan di merata-rata

tempat. Tabloid itu bukan saja dalam bahasa Melayu, malah mengandungi beberapa halaman dalam bahasa Inggeris. Dalam banyak hal apakah Pas masih terus berasa mereka tidak mempunyai media sebagai platform berhujah dan mempertahankan parti. Pas dapat mengibarkan benderanya di seluruh pelusuk negara, Pas dapat berkempen semahu-mahunya, dan Pas dapat menyebarkan beritanya seluas-luasnya. Oleh itu, isu tidak demokratik sepatutnya tidak menjadi persoalan lagi.

Berbalik kepada soal pakatan antara parti pembangkang sama ada ia boleh berhasil atau tidak, ia masih dalam peringkat awal untuk diduga. Sekiranya berlaku pilihan raya lebih awal seperti yang dijangka, sudah tentu pihaknya masih belum dapat formula yang konkrit. Walaupun ada tanda-tanda jalan tengah dalam mencari persefahaman, seperti kesediaan Pas menarik balik cita-cita Negara Islamnya dan DAP pula bersedia mengurangkan Malaysian Malaysiannya, tetapi masih banyak persoalan lain yang perlu dipersetujui. Antaranya, apakah pendirian mengenai ideologi masing-masing. Mungkin DAP dan PRM mempunyai aliran yang sama iaitu sosialisme, tetapi bagaimana pula Pas dengan Islamnya. Mungkin bagi Pas dan DAP hal ini dianggap mudah atau sengaja dianggap mudah tetapi apa formula mahu digunakan untuk beroperasi serta imej yang hendak dipamerkan. Mungkin dalam ilmu politik bahawa politik adalah seni serba boleh, soalnya berapa lama ia dianggap boleh?

Di samping itu bagaimana pula formula pengagihan kerusi dan kawasan. Mungkin di Semenanjung, kawasan-kawasan boleh diagihkan menurut demografi, tetapi bagaimana di Sabah dan Sarawak? Sekiranya Pas dari awal-awal lagi menyatakan sebagai `alternatif', sejauhmanakah kemampuannya dari segi realiti memperolehi majoriti kerusi. Mungkin dari segi mempertingkatkan undi popular, sekiranya dicampur semua parti pembangkang tetapi majoriti kerusi masih boleh dipertikaikan. Oleh itu, kenyataan Pas juga boleh dipertikaikan.

Selain pengagihan kerusi dan kawasan apa formula yang hendak dipakai berkaitan parti kecil. Pas dan DAP mungkin boleh tentukan kawasan masing-masing, tetapi bagaimana dengan parti kecil yang lain seperti PRM dan KeADILan. PRM tidak pernah mendapat sebarang kerusi dalam pilihan raya yang lalu, dan KeADILan pula baru ditubuhkan. Kemungkinan dalam hal ini KeADILan dan PRM akan mendapat saham yang kecil kerana rekod pilihan rayanya tidak ada catatan. Hal ini benar-benar mencabar sifat setiakawan Pas dan DAP yang meraih populariti Datin Seri Dr Wan Azizah ciptaan media asing.

Persoalan manifesto, akan menjadi tanda tanya dalam pakatan berkenaan. Apakah akan diwujudkan satu manifesto bersama atau berjenis-jenis manifesto atau manifesto mengikut kawasan seperti untuk Pulau Pinang dan berbeza dengan manifesto di Kelantan? Selain itu soal jentera dan organisasi serta sumber tenaga kerja juga menjadi tanda tanya. Mungkin Pas mempunyai infrastruktur parti seperti di Kelantan, tetapi masih terhad. Manakala parti-parti pembangkang masih tidak berkemampuan dari segi jaringan organisasinya. Begitu juga parti KeADILan yang masih mentah dari segi infrastrukturnya.

Sebelum menghadapi pilihan raya, parti pembangkang dalam mewujudkan pakatan yang lebih bersifat `sementara' mungkin bermasalah. Bayangkan bagaimana pakatan itu mahu dikekalkan selepas pilihan raya nanti. Persoalannya, bagaimana sekiranya Pas atau DAP mendapat lebih kerusi - siapa akan memberi laluan?

Isu kestabilan dalam parti juga penting. DAP buat masa ini menghadapi perpecahan dalaman. Begitu juga dengan Pas berhadapan dengan masalah misalnya di Besut. Walaupun ini sebagai asam garam dalam mana-mana parti politik, tetapi stamina yang diperlukan untuk perjalanan dalam politik terutama menuju pilihan raya dan mahu menang bukan setakat 200 meter

tetapi lebih daripada itu.

Menjelang musim pilihan raya, dalam politik antara parti dan intra parti memang tidak sunyi daripada pelbagai masalah. Tetapi apa yang paling mustahak ialah pembentukan kerajaan atas prinsip pakatan yang bersifat `tetap' yang dapat menjamin politik yang stabil pada tahap yang tinggi. Kestabilan pula akan menjamin kurangnya `main politik'. Dalam politik tidak ada jalan pintas untuk membentuk kerajaan.

(END)